

23 JUN 2002

Hishammuddin-PM

TINDAKAN DR MAHATHIR BUKAN SANDIWARA, KATA HISHAMMUDDIN

SEPANG, 23 Jun (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein menolak dakwaan sesetengah pihak bahawa keputusan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak semua jawatannya dalam parti dan Barisan Nasional, adalah satu sandiwara.

Katanya apa yang berlaku semalam disiarkan secara langsung di televisyen dan rakyat boleh menilai sendiri apa yang mereka saksikan.

"Mereka ada mata, boleh melihat. Ada telinga, boleh dengar dan ada otak untuk berfikir," katanya ketika mengulas dakwaan beberapa pihak bahawa tindakan Dr Mahathir satu sandiwara.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan perlumbaan GT Jepun di Litar Sepang di sini, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir menggamamkan seluruh negara apabila mengumumkan peletakan semua jawatannya dalam Umno dan Barisan Nasional pada akhir ucapannya di Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Bagaimanapun, sejam kemudian beliau menarik balik hasratnya setelah dipujuk oleh Anggota Majlis Tertinggi termasuk Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Hishammuddin turut mengesahkan Pemuda Umno telah mengadakan mesyuaratnya semalam berhubung perkara itu dan meminta exco Pemuda menjelaskan keadaan sebenar kepada anggota pergerakan itu .

"Pemuda Barisan Nasional pula akan mengadakan mesyuarat Selasa ini dan akan menjelaskan keadaan sebenar.

"Mereka (anggota pergerakan) jangan dengar khabar angin. Kalau mereka hendak kepastian, mereka boleh merujuk kepada saya atau mana-mana exco Pemuda untuk mendapatkan penjelasan," katanya.

Hishammuddin meminta anggota Pemuda supaya bertenang dan meneruskan tugas masing-masing untuk memperkukuhkan lagi Umno.

"Kalau mereka sayang Dr Mahathir, mereka harus meneruskan tugas dan amanah serta bertekad untuk memperkuat parti. Ini yang Presiden Umno hendak," katanya.

Beliau turut mengucapkan takziah kepada keluarga Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, yang meninggal dunia pagi tadi.

-- BERNAMA

ERE ZB